



**KEUPAYAAN PELAJAR SPH PKPG MENGAJAR
MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
SEMASA BERJAWATAN SEBAGAI GSTT**

SALWANA BT TAJUDIN

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
2004**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL : KEUPAYAAN PELAJAR SPH PKPG MENGAJAR MATA
PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU SEMASA
BERJAWATAN SEBAGAI GSTT

Saya SALWANA BINTI TAJUDIN
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: Semester 2 Sesi 2003/2004

mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan
Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Salwana

Alamat Tetap:

20208, JALAN MERBAH,
KG DATO AHMAD SAID
TAMBAHAN 2,
30020 IPOH, PERAK.

Tarikh: 1 MAC 2004

Disahkan oleh

TN. HJ. KANDAR BIN SELAMAT

(TANDATANGAN PENYELIA)


TN. HJ. KANDAR BIN SELAMAT

Nama Penyelia


Tarikh: 1 MAC 2004

- CATATAN: *
- ** Potong yang tidak berkenaan.
- *** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : 
Nama Penulis : SALWANA BT HAJI TAJUDIN
Tarikh : 1 MAC 2004

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).”

Tandatangan	:	
Nama Penyelia	:	TUAN HAJI KANDAR B SELAMAT
Tarikh	:	1 MAC 2004

KEUPAYAAN PELAJAR-PELAJAR SPH PKPG MENGAJAR MATA
PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU SEMASA
BERJAWATAN SEBAGAI GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH.

SALWANA BT HAJI TAJUDIN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2004

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani.
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T tuhan seluruh alam.
Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W.

Buat ayah dan ibuku,
Haji Tajudin b Haji Wahid
Hajah Rohasani bt Mat Zainuddin

Tiada apa yang dapatku bicarakan hanya doamu mengiringi setiap detik perjalanan hidup anakandamu ini. Harapanmu lebih sedekad yang lalu kini telah ku tunaikan jua dan buat adinda-adindaku terima kasih atas segalanya.
Segala dorongan, pengorbanan dan keikhlasanmu tidak termampu diungkapkan dengan kata-kata. Hanya Allah sahaja yang maha mengetahui dan membalasnya serta maafkanlah segala kekhilafan yang lalu.
Segala pengorbanan dan keperitan dalam menghadapi dugaan hidup selama ini tetap menjadi teladan dan kenangan kita sekeluarga .
Semoga Allah memberi hidayah dan membuka pintu rahmatNya.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Dan Maha Penyayang. Segala puji Bagi Allah S.W.T. dan salam atas Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan sahabatnya. Dengan Taufik Dan HidayahNya dapatlah pengkaji menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Tuan Haji Kandar b Selamat selaku penyelia projek ini di atas komitmen, kesabaran , bimbingan dan nasihat yang dihulurkan kepada saya dalam melaksanakan projek ini. Beliau adalah seorang yang profesional terhadap tugasnya.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang telah membantu menyempurnakan soal selidik bagi menjayakan projek ini. Seterusnya kepada sahabat-sahabat baik pengkaji di atas bantuan, dorongan dan tunjuk ajar, sumbangan idea dan pendapat dalam menjayakan projek ini. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian.

Terima kasih.

ABSTRAK

Keupayaan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) masih lagi belum dapat dikenal pasti. Oleh itu satu kajian telah dijalankan untuk tujuan ini. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana keupayaan GSTT mengajar mata pelajaran KHB yang dilihat dari empat aspek utama iaitu keupayaan GSTT menguruskan bengkel, menyampaikan isi pelajaran di bengkel, melakukan pengawasan semasa amali dan membuat penilaian terhadap pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 32 orang responden yang terdiri daripada pelajar 4 SPH / PKPG dari Fakulti Pendidikan, UTM Skudai yang pernah menjadi GSTT sebelum mereka menjalani latihan perguruan di Maktab. Sampel penyelidikan dipilih melalui kaedah kajian kes di mana semua populasinya dijadikan sample kajian, Borang soal selidik telah diedarkan dan data telah dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan SPSS 11.0. Penyelidikan ini telah dianalisa berdasarkan frekuensi, peratus dan min. Berdasarkan kepada analisis data yang telah diperolehi, kesemua keupayaan yang dikaji adalah dalam skor min yang baik. Jadi, mereka sebenarnya berkeupayaan untuk mengajar mata pelajaran KHB dan patut diberikan peluang untuk menjalani latihan dan kursus bagi meneruskan perkhidmatan dan meninggikan tahap professional mereka.

ABSTRACT

The capabilities of substitute teachers to teach KHB still not identify so a research has been conduct for these reason. These descriptive research are based on four main aspect ; to see how the substitute teachers manage the KHB workshop in school, how they teach KHB in the workshop, how they observe students work and how they evaluate the students work in the workshop. This research involved 32 respondents from 4SPH/PKPG students in Education Faculty, UTM Skudai, who had become substitute teachers before they had their teaching training. The sample being used are case research method where all the population purposely being used as sample. The questionnaires been distributed among them and the data been collected and analyzed by using SPSS Version 11.0. The research had been analyzed based on frequency, mean and percentage. The result showed a good mean score on which means that the substitute teachers actually have the capabilities to teach KHB. So, they should be given some chances to go for some training and courses to further their services and to upgrade their professionalism.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	JADUAL KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
	DEFINISI SINGKATAN	xiv

BAHAGIAN SATU

BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	7
	1.8 Definasi Istilah	7
	1.9 Kesimpulan	9

BAHAGIAN DUA

BAB II	SOROTAN KAJIAN	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Menguruskan Bengkel	11
2.3	Menyampaikan Isi Pelajaran	13
2.4	Pengawasan Amali	15
2.5	Membuat Penilaian	16
2.6	Peluang latihan Dan Kursus	17
2.7	Kesimpulan	18

BAHAGIAN TIGA

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	19
3.1	Pengenalan	19
3.2	Reka Bentuk Kajian	19
3.3	Tempat Kajian	20
3.4	Sampel Kajian	21
3.5	Instrumen Kajian	21
3.6	Kajian Rintis	23
3.7	Analisa Data	23
3.8	Kesimpulan	25

BAHAGIAN EMPAT

BAB VI	ANALISIS DATA	26
4.1	Pengenalan	26
4.2	Perihal Responden (Bahagian A)	27
4.2.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	27
4.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Bidang Pengkhususan	27
4.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar KHB	28
4.2.4	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar KHB Semasa Menjadi GSTT	28
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Bilangan Kelas Mengajar KHB Semasa Menjadi GSTT	29
4.3	Analisis Keupayaan Pengajaran Responden Semasa Berkhidmat Sebagai GSTT Berdasarkan Persoalan Kajian. (Bahagian B)	29
4.3.1	Analisis Data Persoalan Kajian-1	30
4.3.2	Analisis Data Persoalan Kajian-2	32
4.3.3	Analisis Data Persoalan Kajian-3	34
4.3.4	Analisis Data Persoalan Kajian-4	37
4.4	Ringkasan	39
4.5	Kesimpulan	39

BAHAGIAN LIMA

BAB V	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	40
5.1	Pengenalan	40
5.2	Perbincangan	41
5.2.1	Keupayaan Menguruskan Bengkel	41
5.2.2	Keupayaan Menyampaikan Isi Pelajaran	42
5.2.3	Keupayaan Melakukan Pengawasan Amali Di Bengkel	44
5.2.4.	Keupayaan Membuat Penilaian	46
5.2.5	Peluang-peluang Latihan dan Kursus	48
5.3	Kesimpulan	50
	5.3.1 Latar Belakang Diri Responden	50
	5.3.2 Persoalan Kajian	51
5.4	Cadangan	54
5.4.1	Cadangan Tindakan Kepada GSTT	54
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	55

BAHAGIAN ENAM

RUJUKAN	55 - 57
LAMPIRAN	58 - 70

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 3.1	Jadual kandungan soal selidik	22
Jadual 3.2	Jadual cara pemarkatan aspek tahap keupayaan.	22
Jadual 3.3	Jadual tahap penilaian responden berdasarkan min.	25
Jadual 3.4	Jadual tahap penilaian responden berdasarkan peratus.	25
Jadual 4.1	Jadual taburan jantung responden	27
Jadual 4.2	Jadual taburan bidang pengkhususan	27
Jadual 4.3	Jadual tempoh pengalaman mengajar kemahiran hidup bersepadu.	28
Jadual 4.4	Tempoh pengalaman mengajar khb semasa menjadi GSTT.	28
Jadual 4.5	Jadual taburan bilangan kelas mengajar khb semasa menjadi GSTT yang biasa diberikan oleh pihak sekolah	29
Jadual 4.6	Jadual analisis item berdasarkan persoalan kajian ke-1	30
Jadual 4.7	Jadual analisis item berdasarkan persoalan kajian ke-2	32
Jadual 4.8	Jadual analisis item berdasarkan persoalan kajian ke-3	34
Jadual 4.9	Jadual analisis item berdasarkan persoalan kajian ke-4	37
Jadual 4.10	Jadual ringkasan min bagi setiap keupayaan pengajaran KHB.	39

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang Soal Selidik	58 – 63
B	Surat Pengesahan Dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.	64
C1	Maklumat Kebolehpercayaan (Kajian Rintis)	65
C2	Maklumat Kebolehpercayaan (Kajian Sebenar)	66 - 68
D	Surat Pengesahan Soal Selidik	69
E	Carta De Morgan.	70

DEFINISI SINGKATAN

KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu.
JPN	Jabatan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia.
KH	Kemahiran Hidup.
ABM	Alat Bantu Mengajar.
4 SPH	Tahun 4 Sarjana Muda Pendidikan Serta Teknologi (Kemahiran Hidup).
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PKPG	Program Khas Pensiswazahan Guru
UTM	Universiti Teknologi Malaysia.
GSTT	Guru Sandaran Tidak Terlatih
SPSS	Statistic Package for Social Science version 11.0 MS WINDOWS.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang pendidikan di negara kita mengalami perubahan yang pesat dalam tempoh 23 tahun kebelakangan ini. Salah satu reformasi yang besar ialah perubahan semula kurikulum pendidikan guru seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pendidikan kita, YB Tan Sri bin Dato' Musa bin Mohamad dalam ucapan beliau di Majlis Perutusan Tahun Baru 2002 itu,

.....kita akan meneliti semula kurikulum pendidikan guru supaya selaras dengan penyemakan semula kurikulum sekolah dan memantapkan lagi kemahiran dan kecekapan pedagogi berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sedang pesat berkembang. Malah, penyemakan kurikulum pendidikan guru juga akan mengambilkira aspek penyuntikan dan penerapan nilai dan sikap bagi membentuk peribadi mulia sebagai pendidik.....

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

Perubahan ini membayangkan keinginan masyarakat untuk berubah. Ini adalah satu cita-cita murni kerana ia menandakan kesedaran masyarakat untuk menilai kembali peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli pendidik, terutamanya terutama sekali peranan yang dimainkan oleh guru-guru sekolah.

Bagi merealisasikan hasrat negara, pihak guru perlu memainkan peranannya kerana di tangan guru letaknya perkembangan negara dan tenaga manusia yang terlatih untuk masa akan datang. Sememangnya tidak dapat dinafikan lagi guru adalah ahli masyarakat sekolah yang memainkan peranan sangat penting dalam pembentukan identity dan perkembangan masyarakat. Dalam melaksanakan matlamat pendidikan, gurulah yang menyampaikan ‘bahan mentah’ yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan kepada murid. Menurut Nik Aziz (1988) lagi, dalam memilih kaedah pengajaran, kebijaksanaan gurulah yang memastikan sama ada terdapat kaedah yang relevan atau tidak kepada murid-murid yang beraneka ragam.

Negara Malaysia yang sedang membangun memerlukan tenaga pengajar yang terlatih dan terdidik dalam bidang tertentu bagi melaksanakan hasrat murni kerajaan iaitu untuk melahirkan insan yang celik teknologi. Oleh kerana tingginya harapan masyarakat terhadap guru, khususnya di bidang kemahiran hidup, maka mereka tidak boleh memandang ringan tentang pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Suasana bilik darjah, cara penyampaian, pengawasan tingkah laku dan penilaian adalah antara beberapa perkara menentukan sesuatu P & P berkesan atau tidak.

Menurut Lemlech (Saedah, Zainun dan T Mohani, 1996), guru yang berjaya dalam menguruskan bilik darjah ialah guru yang telah menguasai teknik merancang aktiviti-aktiviti dan membuat pelajar melibatkan diri secara aktif dalam semua aktiviti termasuk mengindahkan persekitaran bilik darjah serta mengendalikan kemajuan sendiri. Dalam konteks mata pelajaran kemahiran hidup ini, disamping di bilik darjah, aspek perurusan bengkel dan

bilik-bilik khas, penyelenggaraan alat tangan dan mesin adalah amat penting. Ini disebabkan mata pelajaran KH adalah salah satu cabang pendidikan teknik dan vokasional, yang mana mementingkan kerja-kerja amali yang merangkumi bidang kemahiran teknologi pada peringkat asas.

Dengan sebab itulah, matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ini adalah untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah-ubah untuk kehidupan harian.

(Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan Satu, 2002). Jadi, secara tidak langsung, pelajaran ini juga bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada pendidikan teknologi dan vokasional malah juga alam pekerjaan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan lagi bilangan tenaga pengajar di negara ini disamping mengekalkan mutu dan kualiti guru-guru yang dikeluarkan itu. Namun begitu, kita masih lagi kekurangan tenaga pengajar ini. Seperti menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, yang mengatakan bahawa sebagai satu langkah alternatif, Kementerian Pendidikan juga menempatkan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar secara sementara. Oleh itu, Kementerian telah meluluskan setiap Jabatan Pendidikan Negeri mengambil tenaga kerja yang tidak terlatih ini bagi memenuhi ruang ini. Mereka inilah dilantik menjadi (GSTT) yang dihantar ke sekolah-sekolah bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di sekolah-sekolah.

Maklumat yang didapati dari PPD mengatakan bahawa bilangan GSTT telah meningkat dari setahun kesetahun dari 256 orang tahun lepas kepada 360 orang tahun ini dan ini hanya bagi Daerah Johor Bahru yang meliputi semua

Bengkel ini penting kerana segala aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dijalankan di dalam nya. Oleh itu, bengkel perlulah diurus dan diselenggarakan dengan sempurna dan selamat untuk digunakan supaya dapat menarik minat pelajar menyertai kelas itu.

Berdasarkan kepada pembuktian di atas, maka perlulah pengkaji membuat kajian bagi menyelesaikan masalah ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Walaupun GSTT berjaya memenuhi objektif pengajaran tetapi adakah mereka dapat melaksanakan tugas sebagai seorang guru KH yang sedar akan pentingnya pengurusan bengkel, penyampaian isi kandungan pelajaran, pengawasan pelajaran amali dan keupayaan membuat penilaian yang berkesan? Terutamanya mata pelajaran seperti mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang melibatkan pengajaran secara amali. Sememangnya tidak dinafikan bahawa di sekolah-sekolah, GSTT ini diberi pemantauan dari semasa ke semasa oleh ketua bidang dan panitia mata pelajaran itu tetapi masih ada permasalahan tersebut. Mungkin akan wujudnya beberapa cadangan untuk mengatasi masalah ini oleh pihak JPN. Maka di sinilah pengkaji akan meninjau keupayaan mengajar yang ada pada GSTT semasa pengajaran amali KHB di bengkel KHB di sekolah-sekolah dari aspek:

1.4 **Objektif Kajian**

Penyelidikan yang akan dilakukan berdasarkan kepada objektif-objektif yang berikut:

- a. Untuk melihat keupayaan GSTT menguruskan bengkel/ bilik khas KHB.
- b. Untuk melihat kebolehan GSTT menyampaikan isi pelajaran.
- c. Untuk melihat keupayaan GSTT membuat pengawasan semasa pengajaran amali.
- d. Untuk melihat kebolehan GSTT membuat penilaian dalam pengajaran.

1.5. **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan berikut:

- a. Adakah GSTT boleh menguruskan bengkel / bilik khas?
- b. Adakah GSTT dapat menyampaikan isi pelajaran?
- c. Adakah GSTT dapat membuat pengawasan semasa pengajaran amali?
- d. Adakah GSTT membuat penilaian dalam pengajaran?

1.6. **Kepentingan Kajian**

- a. Memberi cadangan kepada GSTT supaya membuat perubahan demi mempertingkatkan diri.
- b. Memberi input kepada guru kanan, ketua bidang dan ketua panitia untuk membimbing GSTT ini.
- c. Memberi maklumat kepada pihak pentadbir agar menyusun jadual waktu supaya GSTT ada ruang untuk melakukan pengurusan bengkel selenggara alatan dan mesin.